

WAKTU SOLAT

Subuh	6.05
Zohor	1.25
Asar	4.34
Maghrib	7.27
Isyak	8.36



28 MAC 2008

PERCUMA

JUMAAT

1429 HIJRAH

Nabi Muhammad s.a.w.

(*sallallahu alaihi wassalam*) (B. Arab: محمد) adalah pesuruh Allah yang terakhir. Baginda adalah pembawa rahmat untuk seluruh alam dan merupakan [Rasulullah](#) bagi seluruh umat di dunia. Sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. merupakan satu rahmat kepada manusia sekalian alam. Baginda bukan sahaja berfungsi sebagai seorang rasul tetapi juga sebagai pemimpin, ketua tentera dan juga sebagai pendamai. Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan di [Mekah](#) dan kembali ke rahmatullah di [Madinah](#). Walaupun diketahui bahawa Muhammad merupakan rasul dan nabi terakhir bagi umat manusia oleh orang [Islam](#), tetapi orang-orang [Yahudi](#) dan [Kristian](#) enggan mengiktiraf Muhammad sebagai nabi dan rasul. Nabi Muhammad merupakan pelengkap ajaran Islam setelah [Nabi Musa](#) dan [Nabi Isa](#).



Kelahiran

Nabi Muhammad telah diputerakan di [Mekah, Arab Saudi](#) pada hari [Isnin, 12 Rabiulawal \(20 April 571M\)](#). Ibu baginda, iaitu [Aminah binti Wahb](#), adalah anak perempuan kepada Wahb bin Abdul Manaf dari keluarga Zahrah. Ayahnya, [Abdullah](#), ialah anak kepada [Abdul Muthalib](#). Keturunannya bersusur galur dari [Ismail](#), anak kepada [Ibrahim](#) kira-kira dalam keturunan keempat puluh.

Maulidur Rasul yang jatuh pada pada hari Khamis 12 [Rabiul Awal](#) Tahun Gajah bersamaan dengan 23 April 571 merupakan hari keputeraan [Nabi Muhammad s.a.w](#) (*Sallallahu Alaihi Wasallam*). Baginda adalah [nabi](#) terakhir yang diutus oleh [Allah](#) Subhanahu Wataala.

Setiap tahun pada hari itu, umat [Islam](#) di seluruh dunia akan mengadakan majlis memperingati keputeraan Nabi Muhammad s.a.w dengan mengadakan beberapa acara seperti perarakan, ceramah dan sebagainya. Banyak kelebihan dan keistimewaan yang akan dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada mereka yang dapat mengadakan atau menghadiri majlis Maulidur Rasul.

Kita dapat lihat betapa besarnya kelebihan orang yang memuliakan majlis keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana bila berniat sahaja hendak mengadakan Maulud Nabi, sudah pun dikira mendapat [pahala](#) dan dimuliakan. Sememangnya bernazar untuk melakukan

sesuatu yang baik merupakan doa dan dikira amal salih.

Jelas kepada kita bahawa pembalasan Allah Subhanahu Wataala terhadap kebaikan begitu cepat sehinggakan terdetik sahaja di hati hendak berbuat kebaikan, sudah Allah Subhanahu Wataala akan memberi pembalasan yang tiada ternilai. Seseorang yang beriman, kuat bersandar kepada Allah, ketika di dalam kesusahan dia tetap tenang dan hatinya hanya mengadu kepada Allah dan mengharapkan pertolongan dan kasih sayang Allah Subhanahu Wataala.

Keberkatan mengadakan Majlis Maulud itu bukan sahaja didapati oleh orang yang mengadakan majlis itu, tetapi seluruh ahli rumah atau orang yang tinggal di tempat itu turut mendapat keberkatannya.





"Dan Dia yang membiarkan dua laut, yang ini bersih dan enak, rasanya menggembirakan, dan yang ini masin dan pahit, dan Dia meletakkan di antara mereka satu barzakh (tembok), dan satu larangan yang terlarang." (25:53)

Berhenti sebentar daripada memetik ayat-ayat al-Qur'an untuk kembali menterjemahkan maklumat yang berkaitan daripada ensaiklopaedia yang telah disebut dari awal lagi:

Air yang bersih jarang didapati di alam semula jadi. Ini ialah kerana air mampu melarutkan banyak bahan daripada udara, tanah dan batu. Kemasinan air laut disebabkan oleh bahan mineral yang dilarutkan daripada permukaan bumi oleh sungai-sungai dan dibawa turun ke laut. Haba matahari menyebabkan permukaan air laut menyejat, atau bertukar kepada wap, meninggalkan di belakangnya garam dan mineral-mineral lain. Ini menjelaskan mengapa laut-laut adalah jauh lebih masin daripada sungai-sungai yang mengalir ke dalamnya.

Petikan daripada al-Qur'an diteruskan dengan menyebut mengenai kilat, air dari langit, bumi yang mati, awan yang berat, dan guruh. Beginilah bunyi ayat-ayatnya:

"Dan daripada ayat-ayat-Nya ialah Dia memperlihatkan kepada kamu kilat, untuk ketakutan dan harapan, dan Dia menurunkan dari langit air, dan Dia menghidupkan bumi setelah ia mati. Sesungguhnya pada yang demikian itu adalah ayat-ayat bagi kaum yang memahaminya." (30:24)

"Dia yang memperlihatkan kepada kamu kilat, untuk ketakutan dan harapan, dan menumbuhkan awan yang berat. Guruh melafaz sanjungan-Nya," (13:12-13)

Dan begini pula bunyi keterangan daripada ensaiklopaedia tersebut:

Air hujan yang turun melarutkan gas-gas di udara setakat tertentu. Gas-gas ini adalah terutamanya nitrogen dan oksigen (*oxygen*), dengan sedikit karbon dioksida (*carbon dioxide*). Cahaya kilat menukarkan sebahagian daripada nitrogen kepada asid nitrik (*nitric acid*), yang hadir dalam hujan yang berguruh, dan ia membantu dalam penyuburan tanah. Petikan daripada ensaiklopaedia disambung lagi dan ditamatkan di sini:

Air yang bersih boleh didapati daripada air yang mengandungi garam dengan kaedah dikenali sebagai penyulingan, yang kadang-kadang diguna di kapal-kapal yang besar.

Untuk enak diminum, air haruslah mengandungi sedikit gas yang dilarutkan dan bahan mineral. Air bersih yang disediakan melalui proses penyulingan adalah hambar, tidak perisa.

Kehidupan di Bumi diteruskan dengan proses pengedaran air yang tidak putus-putus. Laut-lautan menyediakan takungan yang besar untuk bekalan dunia, dan matahari memberikan tenaga untuk

pengedaran air. Haba matahari menyejatkan air, yang berkumpul menjadi awan kelihatan seperti gumpalan "debu air". Apabila partikel "debu" menjadi besar mereka jatuh sebagai hujan, hujan batu, atau salji, untuk menampung kehidupan tumbuhan dan haiwan.

Sehubungan itu renungkanlah pula ayat-ayat berikut:

"Adakah kamu memikirkan air yang kamu minum? Adakah kamu yang menurunkannya dari awan-awan, atau adakah Kami yang menurunkannya? Sekiranya Kami mengkehendaki, tentu Kami membuatnya masin; maka mengapa kamu tidak berterima kasih?" (56:68-70)

"Tidakkah kamu melihat bagaimana Allah menjalankan awan, kemudian mengumpulkan mereka, kemudian membuat mereka satu kelompok, kemudian kamu melihat hujan keluar dari celah-celah mereka? Dan Dia menurunkan dari langit, gunung-gunung, yang di dalamnya hujan batu, supaya Dia menimpakan kepada siapa yang Dia mengkehendaki dengannya, dan memalingkannya daripada siapa yang Dia mengkehendaki; hampir-hampir sinar kilat-Nya menghilangkan penglihatan." (24:43)

"Dan Kami membuatkan sebuah lampu yang bersinar, Dan menurunkan dari awan air yang mencurah, Supaya Kami mengeluarkan dengannya biji-bijian dan tumbuh-tumbuhan, Dan kebun-kebun yang subur." (78:13-16)

(Disediakan bersama karangan ini satu lampiran terisi sekeping keratan akhbar yang membawa laporan mengenai air yang terkandung di dalam badan manusia. Laporan tersebut berjudul "[No need to drink eight glasses of water daily](#)". [Link](#) kepada laporan itu juga disediakan di hujung halaman ini. Terima kasih.)

Selain untuk diminum, air diguna untuk membersihkan sebahagian atau seluruh badan manusia, seperti disebut dalam ayat-ayat wuduk (4:43 dan 5:6), dan ayat berikut (yang konteksnya adalah peperangan):

"Apabila menjadikan tidur nyenyak menutupi kamu sebagai keamanan daripada-Nya, dan menurunkan kepada kamu air dari langit untuk membersihkan kamu dengannya, dan untuk menghilangkan daripada kamu kecemaran syaitan, dan untuk menguatkan hati kamu, dan untuk memperteguhkan kaki kamu dengannya." (8:11)

Allah juga mendatangkan air untuk menghukum orang-orang yang berdosa. Peristiwa yang dirakamkan di bawah ini adalah satu contoh:

"Berkata (anak Nabi Nuh), 'Aku akan mencari perlindungan di gunung, yang akan menjagaku daripada air.' Berkata, 'Pada hari ini, tidak ada pelindung daripada perintah Allah, selain daripada orang yang Dia mengasihani.' Dan gelombang-gelombang tiba di antara keduanya, dan dia adalah antara orang-orang yang ditenggelamkan." (11:43)

Itu adalah secebis kisah daripada cerita Nabi Nuh yang didatangi banjir besar untuk menenggelamkan orang-orang yang tidak percaya termasuk anak lelakinya sendiri.

KESIHATAN

Penyakit adalah keadaan tidak normal pada badan atau minda yang menyebabkan ketidakselesaan, disfungsi, atau tekanan/stres kepada orang yang terabit atau berhubung rapat dengannya. Kadang kala istilah ini digunakan secara umum untuk menerangkan kecederaan, kecacatan, sindrom, simptom, keserongan tingkah laku, dan variasi biasa sesuatu struktur atau fungsi, sementara dalam konteks lain boleh dianggap sebagai kategori yang boleh dibezakan.

Terdapat pelbagai jenis penyakit yang mengancam manusia. Penyakit ini boleh disebabkan oleh kuman, bakteria, virus, racun, kegagalan organ berfungsi, dan juga oleh penyakit baka/keturunan.

Patologi merupakan ilmu kajian penyakit. Pengelasan penyakit secara saintifik pula dirujuk sebagai nosologi. Pengetahuan umum mengenai penyakit dan rawatan penyakit dikenali sebagai perubatan.

Praktik perubatan dahulu kadang kala membezakan penyakit, yang mempunyai sebab khusus atau beberapa penyebab (dikenali sebagai etiologinya), berbeza dari sindrom, yang merupakan himpunan tanda dan/atau simptom yang berlaku serentak. Perbezaan takrif ini didapati kurang tepat kerana kebanyakan sindrom telah berjaya dikenal pasti. Pada masa yang sama, banyak istilah perubatan yang menggambarkan simptom atau ketidaknormalan, mungkin dirujuk sebagai penyakit dalam banyak konteks, terutama sekiranya punca penyakit tidak dapat dikenal pasti.

Sesuatu keadaan boleh disahkan secara objektif, tetapi anggapan bahawa sesuatu "gejala" ialah penyakit bergantung pada pertimbangan nilai masyarakat. Sebagai contoh, pada masa kini, dalam kalangan masyarakat Amerika Utara, jumlah mereka yang menganggap masalah kebantutan dan obesiti sebagai penyakit telah meningkat sepanjang tempoh 40 tahun lalu, sebaliknya jumlah mereka yang menganggap homoseksual sebagai penyakit semakin

berkurangan.

Sesuatu gejala dianggap sebagai penyakit oleh sesuatu kebudayaan atau dalam satu julat masa, tetapi bukan dalam semua kebudayaan atau era. Masalah kecenderungan menentang, masalah sukar menumpukan perhatian, dan masalah personaliti merupakan antara contoh gejala yang dianggap sebagai penyakit dalam masyarakat Amerika Utara kini tetapi tidak pernah dianggap sedemikian dalam kebudayaan Amerika abad lalu atau bagi masyarakat lain pada masa kini.

Kadang kala, sama ada sesuatu gejala dikira sebagai penyakit atau sindrom dan variasinya telah menjadi topik politik yang hangat lantaran kesannya kepada ekonomi dan masyarakat. Sebagai contoh, kejutan letupan (*shell shock*) dan masalah tekanan pascatrauma (*post-traumatic stress disorder*) merupakan telah dipolitikkan di Amerika Syarikat; demikian juga kecederaan pergerakan berulang (*repetitive motion injury*) di Australia.

SIDANG REDAKSI

Penaung : Dato' Haji Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz
Ketua Pengarah JAKIM

Penasihat : Tn Haji Ghafani Awang Teh
Pengarah KESUMA

Ketua Pengarang : Imam Besar Masjid Negara

Pengarang : Mohd Zuhairi Mohd Yatim

Pen. Pengarang : Subhi bin Ishak
Ustaz Jamali Adnan
Ustaz Saiful Azhar Wahab
Ustaz Mahadi Dahlan
Ustaz Nik Riduan Nik Muhammad
Ustazah Norfarazila Nordin
Encik Mohd Amin Mohd Nawi

Edaran : Fairuzalusdi Haji Mokhtar

Percetakan : Zainal Abidin

penyakit

hati :

1. Iri Hati

Iri hati adalah suatu sifat yang tidak senang akan rizki / rejeki dan nikmat yang didapat oleh orang lain dan cenderung berusaha untuk menyainginya. Iri hati yang diperbolehkan dalam ajaran islam adalah iri dalam hal berbuat kebajikan, seperti iri untuk menjadi pintar agar dapat menyebarkan ilmunya di kemudian hari. Atau iri untuk membelanjakan harta di jalan kebenaran.

2. Dengki

Dengki adalah sikap tidak senang melihat orang lain bahagia dan berusaha un-

tuk menghilangkan nikmat tersebut. Sifat ini sangat berbahaya karena tidak ada orang yang suka dengan orang yang memiliki sifat seperti ini.

3. Hasut/Provokasi

Hasud adalah suatu sifat yang ingin selalu berusaha mempengaruhi orang lain agar amarah / marah orang tersebut meluap dengan tujuan agar dapat memecah belah persatuan dan tali persaudaraan agar timbul permusuhan dan kebencian antara sesama Islam.



Adab Membaca Al-Qur'an

Al Qur'anul Karim adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang tidak mengandung kebatilan sedikitpun. Al Qur'an memberi petunjuk jalan yang lurus dan memberi bimbingan kepada umat manusia di dalam menempuh perjalanan hidupnya, agar selamat di dunia dan di akhirat, dan dimasukkan dalam golongan orang-orang yang mendapatkan rahmat dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Untuk itulah tiada ilmu yang lebih utama dipelajari oleh seorang muslim melebihi keutamaan mempelajari Al-Qur'an.

Sebagaimana sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam*, yang artinya: "Sebaik-baik kamu adalah orang yg mempelajari Al-Qur'an dan mengajarkannya." (HR: Bukhari)

Ketika membaca Al-Qur'an, maka seorang muslim perlu memperhatikan adab-adab berikut ini untuk mendapatkan kesempurnaan pahala dalam membaca Al-Qur'an:

Membaca dalam keadaan suci, dengan duduk yang sopan dan tenang.

Dalam membaca Al-Qur'an seseorang dianjurkan dalam keadaan suci. Namun, diperbolehkan apabila dia membaca dalam keadaan terkena najis. Imam Haromain berkata, "Orang yang membaca Al-Qur'an dalam keadaan najis, dia tidak dikatakan mengerjakan hal yang makruh, akan tetapi dia meninggalkan sesuatu yang utama." (At-Tibyan, hal. 58-59)

Membacanya dengan pelan (tartil) dan tidak cepat, agar dapat menghayati ayat yang dibaca.

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda, yang artinya: "Siapa saja yang membaca Al-Qur'an (khatam) kurang dari tiga hari, berarti dia tidak memahaminya." (HR: Ahmad dan para penyusun kitab-kitab Sunan)

Sebahagian sahabat membenci pengkhataman Al-Qur'an sehari semalam, dengan dasar hadits di atas. Rasulullah telah memerintahkan Abdullah Ibnu Umar untuk mengkhatamkan Al-Qur'an setiap satu minggu (7 hari) (HR: Bukhori, Muslim). Sebagaimana yang dilakukan Abdullah bin Mas'ud, Utsman bin Affan, Zaid bin Tsabit, mereka

mengkhatamkan Al-Qur'an sekali dalam seminggu.

Membaca Al-Qur'an dengan khusyu', dengan menangis, karena sentuhan pengaruh ayat yang dibaca boleh menyentuh jiwa dan perasaan.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjelaskan sebahagian dari sifat-sifat hamba-Nya yang shalih, "Dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyu'." (QS: Al-Isra': 109). Namun demikian tidaklah disyariatkan bagi seseorang untuk pura-pura menangis dengan tangisan yang dibuat-buat.

Membaguskan suara ketika membacanya.

Sebagaimana sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam*, yang artinya: "Hiasilah Al-Qur'an dengan suaramu." (HR: Ahmad, Ibnu Majah dan Al-Hakim). Di dalam hadits lain dijelaskan, yang artinya: "Tidak termasuk umatku orang yang tidak

m e l a g u k a n A l - Q u r ' a n ." (HR: Bukhari dan Muslim). Maksud hadits ini adalah membaca Al-Qur'an dengan susunan bacaan yang jelas dan terang *makhroj* hurufnya, panjang pendeknya bacaan, tidak sampai keluar dari ketentuan kaidah tajwid. Dan seseorang tidak perlu melenggok-lenggokkan suara di luar kemampuannya.



Membaca Al-Qur'an dimulai dengan isti'adzah.

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman, yang artinya, "Dan bila kamu akan membaca Al-Qur'an, maka mintalah perlindungan kepada Allah dari (godaan-godaan) syaithan yang terkutuk." (QS: An-Nahl: 98)

Membaca Al-Qur'an dengan tidak mengganggu orang yang sedang shalat, dan tidak perlu membacanya dengan suara yang terlalu keras atau di tempat yang banyak orang. Bacalah dengan suara yang sederhana secara *khusyu'*.

Rasulullah *shallallahu 'alaihiwasallam* bersabda, yang artinya: "Ingatlah bahwasanya setiap dari kalian bermunajat kepada Rabbnya, maka janganlah salah satu dari kamu mengganggu yang lain, dan salah satu dari kamu tidak boleh bersuara lebih kuat daripada yang lain pada saat membaca (Al-Qur'an)." (HR: Abu Dawud, Nasa'i, Baihaqi dan Hakim). *Wallohu a'lam.*

~ Dari dunia tanpa sempadan

Apakah hukum mengundi calon bukan islam dalam pilihanraya?

Harus mengundi calon bukan Islam dalam Pilihanraya dengan syarat calon berkenaan tidak menentang Agama Islam

Apakah kewajipan menunaikan hukum hudud ?

Hukum hudud adalah satu tuntutan dalam Islam yang dipertanggungjawabkan oleh sesebuah pemerintah berdasarkan kepada keupayaan masing-masing.

Apa hukumnya memegang kertas gambar cuci kerana dalam ensiklopedia ada mengatakan terdandung gelatin pada lapisan kertas gambar itu ?

Sekiranya anda meyakini bahawa gelatin tersebut ada najis berat (mughalazah) maka wajib disamak. Sebaliknya jika diyakini gelatin tersebut dari jenis yang halal maka harus digunakan

Adakah haram membuat pembedahan plastik akibat parut jerawat tanpa niat riak ?

Mengubah ciptaan Allah dengan niat untuk menunjuk-nunjuk kepada orang lain adalah haram Walaubagaimanapun Islam mengharuskan kita membuat pembedahan plastik dengan tujuan untuk menutup kecacatan yang teruk yang boleh mengaibkan diri sendiri sehingga nampak natural seperti orang lain..

*Hukum mengundi
calon bukan ISLAM*

Kahwin di Thailand.wali ada lagi dan tahu tempat wali tinggal. Adakah sah atau tak dari sudut hukum agama ?

Mana-mana wanita islam yang berkahwin didalam negara atau diluar negara dengan menggunakan wali hakim melebihi 2 marhalah (96km) dari tempat walinya bermastautin adalah sah dengan syarat-syarat dan rukun-rukun nikah yang lain yang ditetapkan oleh syarak. Walaubagaimanapun tuan diminta supaya merujuk kepada Jabatan Agama Islam yang berdekatan untuk mendapat maklumat yang tepat tentang prosedur perkahwinan di luar negara.

Apakah status perkahwinan kerana pertukaran agama mengikut pandangan hukum syarak dan perundangannya di Malaysia?

Hukum asalnya terpisah suami isteri. manakala dari sudut undang2 mahkamah syariah tidak ada kuasa melainkan setelah diputuskan oleh mahkamah sivil status agama suami isteri(akta undang2 jeluarga islam wilayah bab pertukaran agama)

Apakah hak bapa pezina keatas anak luar nikahnya? Jika lelaki ini asyik mengganggu anak luar nikahnya, Adakah ibu anak-anak tersebut mempunyai hak untuk melarang anak-anaknya dari bergaul dengan lelaki tersebut? Anak-anak tersebut sudah tahu hal sebenarnya. Lelaki ini adalah orang yang tidak bail akhlaknya dan masih tidak berubah?

Bapa (pezina) tidak mempunyai apa-apa hak ke atas anak luar nikahnya. Ibu anak-anak luar nikah berhak menghalang atau melarang anak-anaknya bergaul bebas dengan bapa pezina.

REBUTLAH KURNIAAN ALLAH SWT DENGAN SENTIASA BERZIKIR KEPADANYA

Oleh : Ustaz Saiful Azhar bin Wahab

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana pada kali ini kita akan membicarakan tentang zikir iaitu mengingati Allah SWT. Banyak cara untuk kita dapat mengingati Allah SWT. Antaranya ialah dengan berwirid, bersolat, membaca al Quran, berpuasa, menunaikan haji dan sebagainya.

Allah SWT memerintahkan kepada kita supaya sentiasa mengingatinya dalam keadaan apapun juga, sebagaimana firmanNya yang bermaksud:

“ (iaitu) Orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa ia berdiri, duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata), “Wahai Tuhan kami ! tidaklah Engkau menjadikan kesemua ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”

Dalam ayat tersebut menunjukkan betapa orang yang berjaya ialah orang yang sentiasa menyebut dan mengingati Allah dalam semua keadaan samada berdiri, duduk dan berbaring. Sesungguhnya berzikir kepada Allah sangat besar pahalanya. Jika kita sentiasa ingat kepada Allah, tentu saja Allah sentiasa mengingati kita.

Menyebut dan mengingati Allah hendaklah dilakukan dengan merendah diri, dengan suara yang tidak keras, khusyuk, ikhlas kerana Allah, Insya Allah zikir kita akan membuahkan hasil.

Kita juga hendaklah menjaga adab-adab berzikir supaya zikir kita nanti dinilai oleh Allah SWT dengan penilaian yang tinggi.

Orang yang selalu menyebut Allah SWT akan sentiasa dilindungi dan dipelihara oleh Allah SWT dalam kehidupan mereka di dunia dan di akhirat. Sebab itulah jika anda ingin kejayaan di dunia dan kejayaan di akhirat maka sentiasalah basahi lidah-lidah anda dengan berzikir dan menyebut nama Allah SWT. Inilah rahsia kejayaan umat Islam terdahulu.

Kemudian apabila kita berzikir maka kita juga hendaklah berfikir. Bila kita berfikir tentang kejadian langit dan bumi dan segala apa yang terkandung di dalamnya, sudah tentu kita kagum betapa tersusunnya segala apa di ruang angkasa ini. Ciptaan Allah sungguh amat sempurna, jika kita mahu berfikir bagaimana kita telah diciptakan, daripada benih lelaki dan wanita menjadi makhluk manusia yang sempurna kejadian. Daripada keadaan lemah di waktu dilahirkan, sedikit demi sedikit kita membesar. Dianugerahkan pula dengan pendengaran, penglihatan, pandai berkata-kata, meningkat dewasa dan selanjutnya tua, apa tidak sepatutnya kita berterima kasih atas segala anugerah

Allah SWT itu semua.

Cubalah kita fikirkan untuk apa kita hidup di dunia ini, apakah sekadar hidup, makan dan minum, bermain-main, kemudian mati ? Kalau demikian keadaannya apa bezanya kita dengan makhluk Allah yang lainnya yang disebut binatang.

Sudah tentu dengan kita suka berzikir dan memikirkan kenapa keadaan kita ummat Islam jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan ummat lainnya, dan mahu memperbaiki segala kesalahan kita, kembali kepada Al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. berkasih sayang antara satu dengan lainnya, Insya Allah ummat Islam akan menjadi sebaik-baik ummat.


Memandangkan jumlah ummat Islam melebihi satu perlima penduduk dunia, dan melihat limpahan berbagai kekayaan terkandung dalam bumi Negara-Negara Islam, maka tidak sepatutnya ummat Islam keadaannya seperti sekarang ini, oleh itu cubalah kita sentiasa mengingati Allah S.W.T dan gunakanlah akal fikiran kita untuk kebahagiaan hidup kita di dunia dan akhirat. Sesungguhnya Allah sentiasa menunggu daripada hamba-hambanya untuk menyempurnakan nikmatNya kepada kita. Bila kita dekat denganNya pasti kita akan mendapat habuan nikmat. Hanya mereka yang sombong sahaja yang tidak akan mendapat nikmat.

MUTIARA KATA

1. Kalau engkau merasa berkuasa untuk membuat aniaya dan kezaliman kepada Hamba Allah, ingat pula bahawa Allah lebih berkuasa membalasnya.

(Umar Al Khatab)

2. Kalau kita tidak mencari sesuatu, kita tidak dapat menemui sesuatu.



Maulid Nabi Al Sarif 1429H/ **2008M**

Sidang pembaca yang dikasihi sekalian sambutan hari kelahiran Nabi Muhammad s.a.w. yang baru kita rayakan pada 20 Mac 2008 lepas adalah satu sambutan yang mempunyai kesan dan pengaruh istimewa dalam setiap jiwa dan sanubari setiap rakyat Malaysia yang cintakan baginda.

Perayaan itu mesti mampu mendorong umat Islam untuk lebih kasih dan sayang kepada baginda, dengan berpegang teguh dengan ajaran yang di bawanya serta mempertahankan bukan sahaja ajarannya malah berani mempertahankan baginda, apabila kemuliaan baginda diperlekehkan atau dihina oleh sesiapa sahaja.

Bagaimana kasihnya para sahabat Nabi s.a.w tidak perlu lagi dipersoal, ada yang sanggup menjadi galang ganti Nabi s.a.w., dengan tidur di pembaringannya sementara nabi secara bersembunyi berhijrah ke Madinah. Itulah

kasihnya Saidina Ali K.W. Ada Sahabat yang sanggup tidak menyentuh makanan dengan mematikan lampu semata-mata untuk memastikan Nabi s.a.w makan. Itulah yang dilakukan oleh Abu Ayub Al-Ansari.

Begitulah Imam Malik r.a diceritakan bahawa beliau tidak pernah memakai kasut selama beliau berada di Madinah kerana beliau merasa tidak selayaknya seorang memakai kasut di sana kerana jasad Rasulullah s.a.w dimakamkan di bumi Madinah al-Munawarah.

Ini satu peristiwa yang berlaku di bumi Iraq ketika umat Islam sedang mengadakan perayaan sambutan kelahiran baginda di seluruh dunia.

Tentera marin Amerika sedang berkawal di sebuah masjid "Al-Dhaluiah" sebuah masjid tua yang terdapat di Baghdad. Selepas selesai umat Islam melaksanakan solat berjemaah zohor. Maka mereka pun keluar dari masjid untuk kembali ke tempat masing-masing, termasuk seorang remaja bernama Isam

Muhamad Al-Ahbabi. Seorang graduan dari kuliah Bahasa Arab yang baru berumur 26 tahun.

Pemuda malang ini telah ditahan oleh tentera marin Amerika tanpa sebab dan dihimpit ke dinding masjid sambil direntap kopiah dari kepalanya, sambil kayu siwaknya di sumbatkan ke dalam hidung, dan kemudiannya disepak terajang di seluruh tubuhnya termasuk kemaluannya.

Selang tidak lama askar itu hampir membiarkannya dalam keadaan kesakitan. Apabila tiba-tiba seorang dari tentera tersebut mencadangkan agar mereka memaksa pemuda tersebut untuk mencarutkan Nabi Muhammad s.a.w. dengan perkataan kotor.

Pemuda tersebut bukan sahaja enggan tetapi merempuh tentera marin tersebut untuk melarikan diri, tetapi beliau kecundang kerana ditembak.

Beliau disemadikan tanpa disembahyang dan dimandikan kerana dianggap syahid mempertahankan Nabi s.a.w.

MUKJIZAT RASUL

BULAN TERBELAH DUA

Tentang terbelahnya bulan, maka itu adalah mukjizat yang terjadi pada Rasul terakhir Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam sebagai pembenaran atas kenabian dan kerasulannya, sebagaimana nabi-nabi sebelumnya. Dan mukjizat yang kelihatan, maka itu disaksikan dan dibenarkan oleh setiap orang yang melihatnya. Andai hal itu tidak termaktub di dalam kitab Allah dan hadits-hadits Rasulullah, maka tentulah kami para muslimin di zaman ini tidak akan mengimani hal itu. Akan tetapi hal itu memang benar termaktub di dalam Al-Qur'an dan sunnah-sunnah Rasulullah shallallahu 'alaihi wassalam. Dan memang Allah ta'ala benar-benar Maha berkuasa atas segala sesuatu.

Maka Prof. Dr. Zaghlul Al-Najar pun mengutip sebuah kisah Rasulullah membelah bulan. Kisah itu adalah sebelum hijrah dari Mekah Mukarramah ke Madinah. Orang-orang musyrik berkata, "Wahai Muhammad, kalau engkau benar Nabi dan Rasul, coba tunjukkan kepada kami satu kehebatan yang bisa membuktikan kenabian dan kerasulanmu (mengejek dan mengolok-olok)?" Rasulullah bertanya, "Apa yang kalian inginkan? Mereka menjawab: Coba belah bulan, ..."

Maka Rasulullah pun berdiri dan terdiam, lalu berdoa kepada Allah agar menolongnya. Maka Allah

memberitahu Muhammad agar mengarahkan telunjuknya ke bulan. Maka Rasulullah pun mengarahkan telunjuknya ke bulan, dan terbelahlah bulat itu dengan sebenar-benarnya. Maka serta-merta orang-orang musyrik pun berujar, "Muhammad, engkau benar-benar telah menyihir kami!" Akan tetapi para ahli mengatakan bahwa sihir, memang benar bisa saja "menyihir" orang yang ada disampingnya akan tetapi tidak bisa menyihir orang yang tidak ada ditempat itu. Maka mereka pun pada menunggu orang-orang yang akan pulang dari perjalanan.

Maka orang-orang Quraisy pun bergegas menuju keluar batas kota Mekkah menanti orang yang baru pulang dari perjalanan. Dan ketika datang rombongan yang pertama kali dari perjalanan menuju Mekkah, maka orang-orang musyrik pun bertanya, "Apakah kalian melihat sesuatu yang aneh dengan bulan?" Mereka menjawab, "Ya, benar. Pada suatu malam yang lalu kami melihat bulan terbelah menjadi dua dansaling menjauh masing-masingnya kemudian bersatu kembali...!!!"

Maka sebagian mereka pun beriman, dan sebagian lainnya lagi tetap kafir (ingkar). Oleh karena itu, Allah menurunkan ayat-Nya:

Sungguh, telah dekat hari qiamat, dan telah terbelah bulan, dan ketika melihat tanda-tanda kebesaran Kami, merekapun ingkar lagi berpaling seraya berkata, "Ini adalah sihir yang terus-menerus", dan mereka mendustakannya, bahkan mengikuti hawa nafsu mereka. Dan setiap urusan benar-benar telah tetapsampai akhir Surah Al-Qamar.

AKTIVITI MASJID NEGARA	
TREASURE HUNT (Mencari Harta Karun)	25 MAC 2008
KURSUS JENAZAH (Wanita)	3 APR 2008
KURSUS JENAZAH (SMK Perempuan Methodist)	10 APR 2008



Anda gemar memuat turun perisian PERCUMA (FREEWARE) dari internet? Di sini saya akan dedahkan beberapa langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk mengelak dari menjadi mangsa instalasi program yang mengandungi spyware dan adware. Anda juga boleh mempelajari beberapa langkah perlindungan yang baik terhadap hak-hak butiran peribadi anda. Tidak benda di dunia ini yang percuma melainkan helah semata-mata, betul tak ? Hal ini samalah juga dengan penggunaan perisian percuma. Kemungkinan ada di antara kita yang percaya bahawa banyak syarikat perisian di seluruh dunia menawarkan kita perisian percuma (FREEWARE) untuk mengetahui lebih lanjut apakah manfaat yang boleh kita dapat dari perisian percuma yang mereka bangunkan tersebut. Kadang-kadang perisian percuma tersebut disebarkan secara percuma sekadar untuk tujuan suka-suka, ujian pasaran (market testing) dan sebagainya. Walaubagaimanapun, itu semua jauh dari kebenaran atau indah khabar dari rupa.

Ditipu Oleh Perisian Percuma ?

Dalam kebanyakan situasi atau kes, perisian percuma ini kebanyakannya digunakan sebagai umpan untuk mempengaruhi pengguna samaada memasang perisian yang mengandungi spyware atau lebih buruk lagi untuk memberi kebenaran secara mudah dan percuma kepada syarikat atau pembangun tersebut untuk menggunakan maklumat peribadi yang telah dihantarkan oleh pengguna kepada mereka. Maklumat peribadi mungkin terdiri daripada nama pengguna, nombor telefon, alamat rumah dan gambar, maklumat bank secara terperinci dan maklumat kad kredit.

Sebelum anda menghubungi peguam bela anda dengan tujuan hendak menyaman mana-mana syarikat yang memberi anda perisian yang jahat ini, lebih baik anda tarik nafas panjang-panjang, berfikir sejenak dan berhenti seketika. Kemungkinan maklumat yang berkaitan dengan perjanjian antara anda dengan pembangun atau syarikat perisian tersebut telah diberikan kepada anda dan anda dengan mudah-mudah tanpa berfikir berkali-kali telah mempersetujuinya.

Adakah anda masih ingat satu dokumen perjanjian yang dipanggil **Terms and Conditions** yang telah dipersetujui oleh anda ketika anda memasang (**install**) perisian percuma tersebut. Dengan mudah anda memilih 'I agree' tanpa membaca dengan hati-hati keseluruhan dokumen perjanjian tersebut yang memungkinkan anda untuk menyesal di kemudian hari. Saya bersetuju jika anda menyatakan dokumen perjanjian (**license agreements**) ini terlampau panjang dan penuh dengan ayat-ayat yang berbelit-belit dan sukar difahami; keseluruhan EULA (**End-User License Agreements**) mengandungi 3000 patah perkataan dan jika dicetak akan tercetak pada tujuh helai muka surat. Wow!!! Biar betul??? Ini merupakan faktor utama kenapa kebanyakan pengguna malas hendak membacanya dan kenapa banyak syarikat pembangun perisian sanggup menentang balik mana-mana pengguna yang cuba hendak menyaman mereka. Jadi bagaimana caranya anda boleh membaca dokumen perjanjian ini tanpa melihat dengan hati-hati perinciannya ??? Jangan menggela-bah!!! Saya akan tunjukkan bagaimana caranya untuk memanfaatkan perisian tersebut tanpa perlu mendedahkan maklumat peribadi anda kepada orang lain.

Bagaimana pembangun perisian membuat duit secara senyap-senyap ???

Berapakah harga sebuah perisian percuma ??? Perisian percuma akan menyebabkan anda kerugian banyak ! Walaupun anda tidak kerugian wang ringgit, anda akhirnya terpaksa membayar harga yang mahal di atas kerugian yang menimpa lantaran bahana perisian percuma. Baca dengan teliti pendedahan berikut untuk mengetahui lebih lanjut >

>>> Anda pernah dengar istilah eWALLET Software ? Sebagai pertukaran kepada eWallet software yang membantu anda menjejak kata laluan anda, ia juga akan memasang perisian lain pada PC anda. Perisian hantu ini akan menjejak dan mengkaji tabiat pelayaran internet anda dan akan memaparkan iklan popup berdasarkan tabiat pelayaran internet anda. Sebagai contoh, anda gemar melayari laman web lagu-lagu Inggeris, maka perisian tersebut akan memaparkan iklan popup dari internet yang berkaitan dengan tabiat pelayaran internet anda itu. Lambakan iklan popup ini akan menyebabkan trafik internet menjadi sesak dan sibuk secara tidak langsung melambatkan talian internet anda. Jadi berhati-hatilah.

>>> Berhati-hati dengan Facebook site. EULA Facebook menyatakan bahawa dengan terang dan jelas bahawa makluma yang dihantar oleh pengguna akan menjadi hakmilik Facebook. Laman web tersebut berhak untuk menggunakan maklumat peribadi yang diberikan dimana-mana sahaja dan untuk apa-apa urusan tanpa perlu mendapatkan kebenaran dari pengguna.

Apa itu EULA ???

Dokumen perjanjian atau istilahnya EULA (**End-User License Agreement**) seakan-akan dokumen serius yang berkaitan dengan undang-undang. Sebenarnya, ia adalah dokumen undang-undang yang mengawal perisian yang ada pasang dengan kaedah undang-undang. EULA biasanya dipaparkan kepada anda sebelum anda pasang atau muat turun perisian tersebut. Anda dikehendaki untuk menandakan pada kekotak yang mengesahkan anda telah membaca EULA tersebut. Mengikut terma undang-undang ianya samalah seperti menandatangani kontrak pada kertas. Walaupun pengwujudan EULA ini masih menjadi isu pertikaian dan perdebatan semenjak kebanyakan kritikan mempercayai lesen ini juga bertindak sebagai kaedah untuk melindungi hak lesen pembekal.

Kenapa anda perlu membaca EULA???

Faedah yang paling besar membaca EULA ialah menjawab segala pertanyaan dan isu tentang penggunaan perisian tersebut. Sebagai contoh, apabila membeli perisian, kebanyakan pengguna tidak menyedari yang mereka sebenarnya tidak menjadi pemilik yang sah kepada perisian tersebut. Mereka hanya membeli lesen untuk menggunakan perisian tersebut. Ini bermakna pembangun perisian tersebut masih mempunyai segala hak termasuk hakcipta terhadap perisian tersebut.

~ Mohd Amin ~

Lebih informasi dan maklumat di : www.myhottips.blogspot.com

Sebarang maklum balas, sila emailkan kepada kami :
masnegara@yahoo.com